

Malaysia perlu dasar angkasa

1 FEBRUARI 1994

KUALA LUMPUR 7 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sudah tiba masanya Malaysia mempunyai satu dasar dan program angkasa yang menyeluruh memandangkan permintaan yang bertambah terhadap keperluan dan perkhidmatan yang disediakan melalui teknologi dan penggunaan angkasa.

Menurut beliau, oleh kerana peranan penting yang boleh dimainkan oleh bidang sains angkasa, ia kini mendapat lebih perhatian daripada kerajaan berbanding sebelum ini.

Kata Perdana Menteri, satu program yang terperinci perlu untuk memenuhi keperluan pengawasan alam sekitar, cari gali bahan mentah, pertahanan, pengukuran dan pemetaan, penyelidikan, pendidikan, kerja-kerja mencari dan menyelamat serta telekomunikasi.

Industri

"Malah, jika kita mahu masa depan yang berjaya, kita tiada pilihan melainkan menerokai industri angkasa," kata beliau semasa berucap merasmikan Planetarium Negara di sini, malam ini.

Menurut Perdana Menteri, masa depan Malay-

sia untuk memasuki industri angkasa lepas adalah amat cerah.

Tambah beliau, adalah tidak mustahil Malaysia akan mempunyai industri angkasa lepasnya sendiri kerana kini terdapat teknologi canggih membolehkan objek dihantar ke angkasa lepas dengan kos yang rendah.

Tempatan

Serentak dengan itu, beliau menyeru syarikat-syarikat dan institusi-institusi tempatan melibatkan diri dengan program angkasa yang dijalankan oleh negara-negara tertentu untuk membangunkan industri dan sains angkasa di negara ini.

"Kalau dulu kos melekat objek ke orbit angkasa menelan ratusan ribu ringgit setiap kilogram, kini terdapat teknologi yang boleh mengurangkan kos ini kepada beberapa ratus ringgit sahaja setiap kilogram," ujarnya.

Kata Dr. Mahathir, untuk memantapkan lagi industri itu, pihak-pihak tertentu di negara ini perlu mewujudkan perhubungan rasmi dengan agensi-agensinya angkasa di Eropah, Asia dan Amerika Syarikat dalam program atau projek-projek bagi membolehkan peny-

ertaan saintis dan industri Malaysia di bidang itu.

"Kita juga perlu mempromosikan perhubungan kerajaan dengan kerajaan yang lebih rapat di kalangan negara serantau yang boleh membawa faedah bersama untuk membangunkan aktiviti-aktiviti saintifik dan komersil yang kekal kepada sains dan industri Malaysia," kata beliau.

Perdana Menteri menekankan bahawa dengan adanya sistem komunikasi satelit, sistem penduarah satelit dan 'remote sensing' maka industri angkasa yang lebih bermirip komersil boleh dibangunkan.

Malah kerajaan Malaysia juga mempunyai rancangan melabur dalam industri angkasa, kata Dr. Mahathir.

Beliau memberi contoh, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bercadang untuk melancarkan tiga satelit komunikasi - setiap satu berharga RM600 juta- yang akan dilancarkan dalam tempoh tiga tahun.

Sebagai susulan, kata beliau, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga mungkin akan melancarkan satelit bagi tujuan 'remote sensing' dan cuaca.

Beliau menambah, kini

Malaysia telah berjaya mewujudkan sebuah sistem penerbangan yang terkenal di dunia.

"Fleet penerbangan kita ialah antara yang terbesar di rantau ini dan Sistem Penerbangan Malaysia mempunyai reputasi yang baik.

"Lima puluh tahun dahulu, tiada siapa yang menjangka negara kita dapat maju dalam industri ini sehingga ke paras yang dicapai sekarang," jelas beliau.

Mustahil

Oleh itu, Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa tidak mustahil negara ini satu hari nanti dapat mewujudkan industri angkasa yang setanding dengan negara lain.

Katanya, kerajaan menganggap sains angkasa penting kerana kesannya ke atas politik antarabangsa, pertahanan, sosio-ekonomi dan budaya negara ini.

Mengenai Planetarium yang dirasmikan hari ini, beliau berkata, ia merupakan era baru untuk menghasilkan masyarakat saintifik dan progresif serta berwawasan, bukan sahaja sebagai pengguna teknologi, tetapi menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi di masa depan.